

Antara Kubu dan Lubuk: Transisi Politik Johor dalam Pilihan Raya Umum Ke-15

Between the Fort and the Moat: Johor's Political Transition in the 15th General Election

SHAH MOHD AKMAL ABDUL HALIM^{1*}, MUHAMAD TAKIYUDDIN ISMAIL²

¹Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

²Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: shahakmal@usas.edu.my

Received: 1 April 2023 Accepted: 29 May 2023

Abstrak

Politik Johor sejak sekian lama sering diberikan perhatian khusus dalam menilai kecondongan politik Malaysia. Kepentingan Johor dalam latar politik negara turut didasari oleh kerencaman etnik campuran negeri ini yang hampir menyerupai latar demografi nasional. Kemenangan Barisan National (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022 (PRN) menjadi faktor pemangkin dalam memunculkan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang diyakini bakal berpihak kepada UMNO-BN. Bagaimanapun, PRU-15 yang diadakan lapan bulan kemudian, UMNO-BN gagal meneruskan momentum kemenangan di Johor. Perkembangan ini merupakan fenomena yang menarik untuk diteliti khusus dalam melihat kedinamikan trend politik Johor. Kajian yang dilaksanakan secara kualitatif ini mendapati PRU-15 di Johor menampilkan kedinamikan melalui sulaman antara faktor teknikal dengan faktor sentimen yang memacu trajektorinya. Secara keseluruhan, PRU-15 di Johor lebih dibayangi oleh sentimen nasional berbanding sentimen lokaliti yang memainkan peranan kurang signifikan. Dengan disokong oleh faktor sentimen, faktor teknikal seperti perpecahan undi Melayu di beberapa kawasan parlimen bandar dan semi-bandar memberi kelebihan kepada Pakatan Harapan (PH) melalui undi orang Cina. BN dan Perikatan Nasional (PN) gagal menguasai kawasan bandar dan semi-bandar disebabkan perpecahan undi Melayu kepada tiga bahagian. Di kawasan luar bandar pula, trend peralihan undi BN kepada PN semakin melebar. Biarpun UMNO menang dalam persaingan politik luar bandar, trend pengundian menunjukkan undi UMNO semakin berkurangan. Pada akhirnya, dapatan ini menggambarkan kedinamikan politik Melayu luar bandar yang mula kritikal terhadap UMNO. Berdasarkan keputusan PRU-15 di Johor, artikel ini berhujah bahawa Johor tidak lagi berperanan sebagai kubu kuat UMNO; sebaliknya status ini mula merapati PH yang menjadi pilihan di kebanyakan kawasan bandar dan separa bandar akibat perpecahan undi Melayu.

Kata kunci: Johor, UMNO; Pakatan Harapan; Perikatan Nasional; PRU-15

Abstract

In analyzing the national trend of Malaysian politics, Johor politics have received special consideration for a long time. Johor's political significance is also based on the state's ethnic diversity, closely resembling the national demographic composition. The triumph of the National Front (BN) in the Johor State Elections in 2022 is a catalyst for the 15th General Election Malaysia (GE-15) to be held, which is thought to be favorable to UMNO-BN. However, in GE-15, held eight months later,

UMNO-BN failed to continue its winning momentum in Johor. Based on this development, it is an intriguing occurrence to analyze the dynamics of Johor's varied political trends. This study conducted qualitatively found that GE-15 in Johor shows a dynamic trend in the correlation between technical and sentimental factors that drive its trajectory. Overall, GE-15 in Johor is more overshadowed by national sentiment than local sentiment, which plays a less significant influence. Supported by sentimental factors, technical factors such as the split of the Malay vote in some urban and semi-urban areas gave The Alliance of Hope (PH) an advantage through the Chinese vote. BN and The National Alliance (PN) failed to dominate urban and semi-urban areas since the Malay vote was split into three factions. In rural areas, the tendency of BN voters to shift to PN voters continues to expand. Even though UMNO won the areas, GE-15 data indicates the party's support is declining, and has become critical of UMNO. Based on the results of the GE-15 in Johor, this article argues that Johor no longer serves as UMNO's bastion; instead, this status began to catch up with PH, which is the voter's choice in most urban and semi-urban areas due to the vote division of the Malays.

Keywords: Johor; UMNO; Alliance of Hope; National Alliance; GE-15

Pengenalan

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) merupakan sebuah proses elektoral yang dinamik dan rencam bagi parti-parti bertanding. Pasca langkah Sheraton, keadaan politik negara berada dalam keadaan tidak stabil. Pelbagai proses rundingan belakang tadbir untuk membentuk jajaran kerajaan baharu memunculkan sebuah kerangka nyah-demokrasi yang signifikan. Konteks ini membuka ruang kepada beberapa saranan-saranan agresif ke arah memulakan kembali proses elektoral atas faktor ketidakstabilan kerajaan. Hal yang melorongkan PRU-15 turut berpaksikan kepada desakan dan keyakinan Barisan Nasional (BN) yang mendapat lonjakan moral melalui kemenangan bergaya dalam Pilihan Raya Negeri di Sabah, Melaka dan Johor. Momentum kemenangan ini ingin diteruskan BN dalam PRU-15 yang secara moral berada dalam keadaan bersedia. Tekanan yang melanda kepimpinan parti ini akibat kes-kes mahkamah juga menjadi pemboleh ubah penting dalam desakan terhadap Perdana Menteri, Ismail Sabri (2021-2022) untuk segera membubarkan parlimen.

Pertimbangan dan keterlanjutan yakin untuk mengadakan pilihan raya bermula pasca "kajian rintis" melalui PRN Johor yang berhasil memenangkan UMNO-BN. Keterlanjuran yakin UMNO dapat ditelusuri semasa kempen PRN Johor 2022 melalui Lembaga Penasihat BN, Najib Razak yang optimis meyakini keputusan PRN Johor sebagai cerminan trajektori UMNO-BN dalam PRU-15.¹ Pasca kemenangan besar BN dalam PRN Johor 2022, tanggapan falasi seperti kembalinya sokongan Cina kepada BN turut menjadi sebahagian daripada konstruksi keyakinan UMNO-BN secara luar biasa di Johor. Atas sebab itu, BN Johor menetapkan sasaran sehingga 20 kerusi dan meyakini menang di 16 kerusi.²

Mengambil kira kerangka ini, Johor merupakan sebuah negeri yang perlu diberi perhatian dalam PRU-15. Pasca PRU-14, hegemoni UMNO di Johor semakin terhakis melalui persaingan sengit dengan Pakatan Harapan (PH). PRU-14 menjadi titik kejutan bagi politik Johor memandangkan julung kalinya negeri ini jatuh di tangan oposisi. Meskipun kajian-kajian umum terfokus kepada kekalahan BN dalam PRU-14 secara umum, terdapat juga pengkaji seperti Mohamed Nawab & Rashaad³ yang mengkaji faktor kekalahan UMNO di Johor dalam PRU-14, Lee Hock Guan & Nicholas Chan⁴, yang mengkaji berkaitan MCA di Johor dalam PRU-14, Francis E. Hutchinson⁵ menganalisis penghakisan dominasi kawasan tetap UMNO-BN dalam PRU-14, Kevin Zhang et al.⁶ yang mengkaji kebangkitan DAP dalam PRU-14 di Johor dan Shah Mohd Akmal⁷ pula menumpukan kedinamikan politik Johor dalam PRN Johor 2022 melalui kerangka politik baharu dan lama.

Dalam menyegarkan kembali sisi pandang empirikal khususnya bagi politik Johor, persaingan PRU-15 yang dinamik melalui penyertaan PN julung kali perlu diteliti lanjut dalam menilai kembali ekologi politik Johor kontemporari. Ia khususnya tertumpu kepada peleraian total status ‘kubu kuat’ UMNO di Johor dalam PRU-15 yang memperolehi keputusan terburuk sepanjang kewujudan parti ini. Artikel ini turut meneliti faktor-faktor yang menjurus kepada perkembangan ini berdasarkan persaingan parti-parti bertanding di kawasan bandar dan semi-bandar serta persaingan parti Melayu alternatif di luar bandar. Artikel ini turut meneliti kedinamikan dalam PRU-15 di Johor melalui faktor-faktor UMNO hilang cengkaman di negeri ini. Dalam menyelesaikannya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pemerhatian semasa PRU-15 berlangsung, temu bual dengan para pengundi di Johor dan juga informan yang terlibat secara langsung dalam PRU-15 di Johor. Manakala data sekunder diperolehi melalui kajian kepustakaan.

Lingkungan Politik Johor

Sejak sekian lama, Johor merupakan salah sebuah negeri yang disinonimkan bersama-sama UMNO-BN. Nilai pengundian klasik yang berpaksikan taatsetia, psikologi feudal dan hubungan simbiosis monarki, UMNO dan rakyat menjadi latar penting kepada politik Malaysia terutama Johor. Berbanding negeri-negeri lain, keutuhan nilai politik feudal ini lebih substantif di Johor memandangkan kelahiran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), parti komponen *primus inter pares* BN ini bermula di Istana Johor.⁸ Keutuhan nilai tradisional di Johor dapat digambarkan melalui keutamaan yang diberikan Perdana Menteri Kesepuluh, Anwar Ibrahim (2022-kini) untuk menghadap Sultan Johor sejurus selepas mengangkat sumpah jawatan pada 24 November 2022. Pada 30 Disember 2022, Anwar sekali lagi menghadap Sultan Johor untuk kali yang kedua.⁹

Bagi negeri Johor, negeri ini sejak sekian lama dikenali sebagai kubu kuat UMNO-BN. Sejak kegoyahan parti ini dalam PRU-12, Johor kekal berperanan sebagai ‘penyelamat’ UMNO-BN meskipun sokongan parti ini mulai berkrisis sehingga dikeluarkan dari koridor kuasa di empat negeri, iaitu Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Di Johor, talian hayat UMNO sebahagiannya juga terletak pada 72 buah kawasan FELDA yang berperanan sebagai bank undi UMNO.¹⁰ Hanya dalam PRU-14, kitaran nilai politik tradisional ini gagal dipertahankan UMNO akibat bayangan sentimen politik nasional hingga menyengkirkan parti ini di Johor buat pertama kali.¹¹

Refleksi Johor sebagai negeri yang sering dijadikan tolok ukur kemenangan di peringkat nasional didasari oleh faktor komposisi etnik di negeri ini yang bersifat campuran dan hampir menyerupai komposisi etnik Malaysia (lihat Jadual 1). Satu ciri khas bagi kawasan berkomposisi campuran ialah ia memerlukan sokongan kesemua kaum bagi memenangkan sesebuah parti di negeri ini. Setakat tahun 2020, Johor mempunyai sekitar 4.9 juta penduduk merangkumi 60.6 peratus bumiputera, 31.9 peratus Cina, 7.0 peratus India dan 0.5 peratus lain-lain.¹² Bagi pengundi pula, Johor mempunyai kira-kira 2,593,562 jumlah pengundi dengan 169,919 pengundi berusia 18 hingga 20 tahun dan 473,538 pengundi warga emas berusia 60 hingga 90 tahun ke atas.¹³

Jadual 1: Perbandingan Komposisi Etnik Malaysia dan Johor 2020

Etnik	Malaysia	Johor
Bumiputera	69.6	60.6
Cina	22.6	31.9
India	6.8	7.0
Lain-lain	1.0	0.5

Sumber: Disesuaikan daripada DOSM (2020).

Dari faktor teknikal, Johor turut signifikan memandangkan negeri ini merupakan negeri kedua dengan kerusi parlimen terbanyak di Malaysia lantas menjelaskan faktor tumpuan yang sering dihalakan ke negeri ini. Secara geografi, Johor merangkumi 26 kawasan parlimen iaitu Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Ledang, Bakri, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Batu Pahat, Simpang Renggam, Kluang, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai, Iskandar Puteri, Kulai, Pontian dan Tanjung Piai. Lima kawasan pengundian dengan komposisi tertinggi terdiri daripada Parlimen Tebrau (223,301), Iskandar Puteri (222,437), Pasir Gudang (198,945), Pulai (165,313) dan Kulai (151,247). Kawasan dengan jumlah pengundi terendah ialah Parlimen Labis (49,846), Sembrong (54,982), Pengerang (55,316), Ayer Hitam (61,041) dan Kota Tinggi (61,291). Bagi kawasan parlimen FELDA, Johor mempunyai 13 buah parlimen dengan keseluruhan 72 buah FELDA.

Pilihan Raya Negeri Johor 2022 dan Pilihan Raya Umum ke-15: Dua Sisi Kontradik

Kerangka temporal dua siri pilihan raya di Johor yang dilakukan secara berasingan menjadi pemboleh ubah signifikan dalam melihat trajektori politik Johor secara holistik dan dinamik. Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Johor ke-15 terlebih dahulu berlangsung pada 12 Mac 2022. Dalam PRN Johor 2022, BN dominan melalui kemenangan di 40 kerusi DUN yang jauh meninggalkan PH dan PN masing-masing dengan 12 dan tiga kerusi (lihat Jadual 2). Dari segi lapangan, kemenangan UMNO-BN dalam PRN Johor 2022 terhasil daripada sebuah persediaan yang rapi dan berkesan, terutama dari segi kesiapsiagaan jentera. Gerak kerja yang sistematik dan tersusun menjadi antara faktor kemenangan PRN Johor. Kelebihan UMNO-BN dalam PRN Johor 2022 turut disokong oleh faktor perpecahan undi Melayu yang menguntungkan parti itu melebihi BERSATU—berpuncu daripada rekod prestasi yang kurang memberangsangkan.¹⁴

Jadual 2: Keputusan PRN Johor 2022

Gabungan Parti/Parti Bertanding	Kerusi Bertanding	Kerusi Menang
Barisan Nasional		
Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)	56	40
Pertubuhan Cina Malaysia (MCA)	37	33
Kongres India Malaysia (MIC)	15	4
	4	3
Pakatan Harapan + MUDA		
Parti Keadilan Rakyat (PKR)	57	12
Parti Tindakan Demokratik (DAP)	20	1
Parti Amanah Negara (AMANAH)	14	10
Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)	16	1
	7	1
Perikatan Nasional		
Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)	56	3
Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	33	2
Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN)	15	1
	8	0
Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG)	8	0
Parti Warisan Sabah (WARISAN)	42	0
Parti Sosialis Malaysia (PSM)	6	0
Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTERA)	1	0
Parti Bangsa Malaysia (PBM)	1	0
	4	0
Bebas	16	0
Jumlah Kerusi		56

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

Dalam menyokong perkembangan ini, faktor peratusan keluar undi yang rendah, iaitu sekitar 54.92 peratus turut menjadi nilai tambah dalam melancarkan kemenangan UMNO-BN di Johor meskipun ia tidak menggambarkan citra majoriti total.¹⁵ Kelebihan UMNO-BN dalam PRN Johor 2022 dapat dijelaskan melalui strategi UMNO Johor yang meletakkan aktor disenangi ramai, Hasni Mohamad sebagai *poster boy*. Dagangan imej wajah baharu yang tidak terpalit kontroversi menatijahkan kesegaran sentimen orang Melayu terhadap UMNO-BN Johor. Korelasi kemenangan UMNO turut dilengkapi oleh suntikan nilai politik lama yang masih memekar dalam episteme rakyat Johor, terutama di kawasan luar bandar. Dalam PRN Johor 2022, kajian Shah Mohd Akmal mendapati, sebahagian besar kawasan DUN luar bandar kekal memberi taat setia dan meyakini UMNO Johor berbanding parti alternatif lain seperti PH dan PN meskipun terdapat pengurangan sokongan yang signifikan terhadap UMNO-BN.¹⁶

Keberhasilan UMNO Johor untuk menonjolkan nilai ‘tempatan’ berhasil mendominasi sentimen sekitaran berbanding tumpuan berlebihan kepada isu nasional yang dimajukan parti lawan seperti isu-isu rasuah yang dikaitkan dengan pemimpin utama UMNO. Strategi menghidupkan wacana tempatan ini dilakukan secara efektif sebagai sebahagian dari cubaan UMNO Johor untuk memisahkan diri daripada imej tidak popular yang membelenggu UMNO federal. Strategi pemisahan imej ini dioperasikan melalui proses rehabilitasi imej yang sistematik dengan mengangkat nilai-nilai politik baharu melalui penawaran manifesto yang bertentangan dengan kontroversi UMNO federal seperti amalan rasuah. Penyulingan imej berhasil ditonjolkan secara efektif demi merehatkan seketika imej tidak popular UMNO nasional daripada sentimen para pengundi Johor.

Pasca kemenangan bergaya UMNO Johor, situasi ini menjadi sandaran penting buat kem BN yang mula mendesak Perdana Menteri, Ismail Sabri (2021-2022) untuk membubarkan parlimen.¹⁷ Desakan ini merupakan satu tindakan yang dijangka memandangkan kemenangan di Johor tempoh hari ditanggapi sebagai bayangan PRU-15 yang menunjukkan UMNO seakan kembali menjadi pilihan rakyat.¹⁸ Atas sebab itu, momentum kemenangan UMNO di Johor ingin diteruskan ke peringkat federal sebagaimana yang disasarkan Ketua Penerangan UMNO Johor, Adham Baba untuk sekurang-kurang memenangi 20 kerusi parlimen Johor dalam PRU-15.¹⁹ Maka, desas-desus pembubaran parlimen galak kedengaran, meskipun wujud penafian yang dibuat oleh kepimpinan tertinggi parti pemerintah.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2021 diadakan sejurus PRN Johor 2022, iaitu pada 18 Mac 2022, kebanyakan pembahas tidak lekang dari menyentuh isu pembubaran parlimen yang menjadi simbol keterdesakan parti tersebut untuk segera mengadakan pilihan raya. Keadaan ini dapat diamati terutama melalui kenyataan Ahmad Zahid dalam ucapannya yang memberi mesej tanpa berlapik menyebut “Jadi hendak tunggu apa lagi, bubarkan Parlimen.”²⁰

Di sebalik karakter keterlanjuran yakin pasca PRN Johor 2022, PRU-15 menunjukkan sisi keputusan yang kontradik dan jauh meleset daripada apa yang diyakini oleh kepimpinan UMNO. Malah, Pengarah Pilihan Raya BN Johor, Hasni Mohammad menyifatkan kemenangan 9 kerusi parlimen di Johor sebagai satu keadaan yang di luar jangka.²¹ Dalam PRU-15, UMNO-BN mencatatkan keputusan terburuk dalam sejarah penyertaan parti ini dalam proses elektoral dengan hanya memenangi 30 kerusi, iaitu berada di kedudukan tercorot berbanding PH, 81 kerusi dan PN, 73 kerusi. Di Johor pula, UMNO-BN sekadar memenangi 9 kerusi parlimen, iaitu jauh ketinggalan berbanding PH, 15 kerusi dan PN, 2 kerusi. Jadual 3, dan 4 memperincikan keputusan PRU-15 di Malaysia dan Johor:

Jadual 3: Keputusan PRU-15 di Johor

Gabungan Parti/Parti Bertanding	Kerusi Bertanding	Kerusi Menang
Barisan Nasional	20	9
Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)	11	7
Pertubuhan Cina Malaysia (MCA)	8	2
Kongres India Malaysia (MIC)	1	0
Pakatan Harapan + MUDA	32	15
Parti Keadilan Rakyat (PKR)	17	7
Parti Tindakan Demokratik (DAP)	8	5
Parti Amanah Negara (AMANAH)	5	2
Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)	2	1
Perikatan Nasional	26	2
Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)	20	2
Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	4	0
Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN)	2	0
Gabungan Tanah Air	11	0
Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG)	7	0
Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTERA)	3	0
Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN)	1	0
Parti Warisan Sabah (WARISAN)	1	0
Parti Sosialis Malaysia (PSM)	1	0
Bebas	5	0
Jumlah		26

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

Jadual 4: Parti Menang di Parlimen Johor berdasarkan demografi

Bil.	Parlimen	Kawasan	Parti Menang	Jumlah Pengundi			
				Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain- lain
1	Segamat	Luar Bandar	PH	47.7	42.7	9.2	0.4
2	Sekijang	Luar Bandar	PH	59	36.7	4	0.3
3	Labis	Luar Bandar	PH	39.2	43.9	15.1	1.7
4	Pagoh	Luar Bandar	PN	66.9	29.3	3.4	0.3
5	Ledang	Luar Bandar	PH	56.2	38.6	4.8	0.4
6	Bakri	Semi-Bandar	PH	46	51.6	2.1	0.3
7	Muar	Semi-Bandar	MUDA	67.2	31.3	1.3	0.3
8	Parit Sulong	Luar Bandar	BN	81.3	18.2	0.4	0.2
9	Ayer Hitam	Bandar	BN	58.7	37.1	4	0.1
10	Sri Gading	Luar Bandar	PH	64.7	33.9	1.3	0.2
11	Batu Pahat	Semi-Bandar	PH	53.6	44.8	1.3	0.3
12	Simpang Renggam	Luar Bandar	BN	62.8	28.8	8.1	0.3
13	Kluang	Semi-Bandar	PH	42.7	46.3	10.1	0.9
14	Sembrong	Luar Bandar	BN	62.3	28	8.5	1.1
15	Mersing	Luar Bandar	PN	83	13.9	1.3	1.9
16	Tenggara	Luar Bandar	BN	75.5	16.4	6.6	1.5
17	Kota Tinggi	Luar Bandar	BN	90.1	8	1.6	0.3
18	Pengerang	Luar Bandar	BN	90.8	8.2	0.6	0.4
19	Tebrau	Semi-Bandar	PH	49	38.9	10.9	1.3
20	Pasir Gudang	Semi-Bandar	PH	50.9	36.3	10	2.8
21	Johor Bahru	Bandar	PH	54.3	39.3	5.6	0.7
22	Pulai	Bandar	PH	46.8	40.3	11.9	0.9
23	Iskandar Puteri	Semi-Bandar	PH	37.8	47.3	13.9	1
24	Kulai	Semi-Bandar	PH	38.8	49.4	11.3	0.5

25	Pontian	Luar Bandar	BN	70.7	28.1	1	0.2
26	Tanjung Piai	Luar Bandar	BN	58.6	40.2	1	0.3

Sumber: Diubahsuai daripada Oriental Daily (2022).

Secara mendasar, pelbagai faktor yang memunculkan keputusan ini. Perbezaan antara PRN Johor dan PRU-15 Johor dapat diperkirakan dari sudut sentimen yang berbeza. Jika dalam PRN Johor sentimen lokaliti mendominasi carta kecondongan semasa, PRU-15 pula terpusat kepada isu dan sentimen nasional yang menjadi ukuran besar dalam menentukan keputusan PRU-15. Bagaimanapun, fenomena ini dapat difahami memandangkan PRU-15 lebih signifikan dalam menentukan kerajaan dan kerusi Perdana Menteri. Oleh itu, sentimen nasional lebih berpengaruh melebihi sentimen lokaliti.

Sentimen Pengundi Johor dalam PRU-15

Situasi politik Johor dalam PRU-15 pada darjah tertentu hampir menyerupai trend yang berlaku dalam PRU-14. Dalam PRU-14, skandal dan kontroversi yang melanda kerajaan pentadbiran UMNO-BN di peringkat federal menenggelamkan rekod prestasi UMNO-BN Johor yang memuaskan. Pentadbiran UMNO-BN di bawah Menteri Besar, Mohamed Khaled Nordin (2013-2018) berhasil mencatatkan perkembangan sosioekonomi dan pembangunan yang substantif sepanjang satu penggal pemerintahan. Dalam tempoh itu, Johor berhasil meningkatkan kadar Keluaran dalam negara kasar (KDNK) saban tahun melebihi RM100 bilion hingga menjadi destinasi pelaburan terbesar sektor pembuatan.²² Bagaimanapun, pencapaian ini gagal mempengaruhi sentimen lokaliti. Satu kajian daripada badan penyelidikan Bait Al-Amanah di Johor pra PRU-14 mendapati sentimen nasional—atau lebih tepat—faktor Najib menjadi isu utama yang mencorak sentimen lokaliti di Johor.²³

Dalam PRU-14, perkara ini terbukti selepas UMNO-BN di Johor tewas kedua-dua peringkat elektoral kepada PH. Disebabkan kedua-dua peringkat elektoral berlangsung sekali gus, sentimen nasional yang muncul melalui skandal 1MDB, dasar tidak popular dan sentimen kemarahan rakyat terhadap Najib Razak memberi pengaruh besar kepada keputusan PRU-14 hingga memberi kekalahan julung kali BN dalam sejarah pembentukannya.²⁴ Ledakan semangat, sentimen dan emosi untuk ‘menukar’ kerajaan federal menyebabkan UMNO-BN Johor turut tidak menjadi pilihan biarpun meninggalkan rekod pemerintahan sepenggal yang memuaskan. Dalam memahami korelasinya dengan PRU-15, keluk pengajaran yang perlu diberi perhatian melalui sisi empirikal ini ialah faktor ‘*poster boy*’; atau aktor berpengaruh dalam sistem kepartian memainkan peranan besar dalam mencorak sentimen pengundi sekali gus menentukan kemenangan sesebuah parti politik.

Sebagaimana PRU-14, dalam PRU-15, sentimen politik Johor tidak lagi dicorakkan oleh kepimpinan UMNO negeri seperti yang berlaku dalam PRN Johor 2022. Sentimen lokaliti, atau nilai “ke-Johor-an” gagal berperanan sebagai pemboleh ubah sebagaimana dalam PRN Johor 2022. Nilai kenegerian yang menghidupkan sentimen lokal seperti ‘bangsa Johor’—yang diuar-uarkan monarki dan UMNO Johor—tidak dimajukan secara sistematik memandangkan ia kurang relevan bagi pemilihan federal. Maka, aktor politik berpengaruh lokal yang memenangkan PRN Johor 2022 seperti Hasni Mohammad dan kepimpinan tertinggi UMNO-BN Johor gagal memberi impak signifikan sebagai ‘*trend setter*’ dalam mencorak sentimen politik Johor. Namun, sisi pandang pengundi melebar dengan tumpuan diletakkan pada situasi nasional terutama bagi calon Perdana Menteri atau ‘*poster boy*’ yang ditawarkan. Peralihan trend sentimen ini pada dasarnya mula diberikan perhatian khusus oleh beberapa pemimpin politik. Bagi Ketua Penerangan UMNO (2022-2022), Shahril Hamdan yang kini sedang digantung keahlian selama enam tahun:

Isu nasional mengatasi isu tempatan. Tak banyak tempat di Malaysia terkecuali daripada *wave* nasional. Anggap politik seperti produk. Kita ada *wholesale*, ada *retail*, ada pemberong, ada peruncit. UMNO hebat dengan rangkaian runcit dia, rangkaian sampai ke bawah, sampai ke kampung, sampai ke cawangan, tapi kalah kerana politik saya dah nampak lebih menjadi *wholesale*...National *wave* itu sangat penting. Suka atau tidak, kita kena beralih daripada mentaliti politik khidmat bakti semata-mata. Itu bukan (satu-satunya kaedah) untuk meraih undi lagi dah".²⁵

Perkara ini pada dasarnya mempunyai merit untuk dibahaskan. Dalam PRU-15, aktor Perdana Menteri merupakan faktor besar dalam mempengaruhi pengundi Johor. Berdasarkan tinjauan lapangan semasa tempoh berkempen, didapati para pengundi Johor sebahagian besar memberi perhatian yang signifikan kepada calon Perdana Menteri. Rata-rata pengundi menilai sistem kepartian berpaksikan kepala yang mengelolanya. Dalam menilai calon Perdana Menteri, terdapat dua nilai ukuran yang diberikan perhatian khusus oleh pengundi di Johor. Pertama, faktor prestasi dan kedua, faktor muka baharu malar segar yang perlu diuji. Dua aktor dominan yang sering disebut-sebut ialah calon Perdana Menteri dari PH, Anwar Ibrahim dan PN, Muhyiddin Yassin. Faktor ‘beri peluang’ menjadi alasan dominan para pengundi dalam menjustifikasi sokongan kepada Anwar. Manakala, faktor mendasari populariti Muhyiddin Yassin rata-rata berbalik kepada bantuan yang diberikan semasa COVID-19. Frasa seperti “PM ada semasa kita susah” merupakan respon dominan yang sering disebutkan dalam menghuraikan Muhyiddin Yassin oleh rata-rata pengundi di Johor.²⁶

Disebabkan Johor hanya memilih satu peringkat elektoral, iaitu parlimen, perhatian utama yang diberikan kepada aktor Perdana Menteri bukan anomali. Ia dapat dijelaskan melalui kepentingan jawatan nombor satu kerajaan ini yang bakal dikurniakan dengan autoriti dan kekuasaan. Dalam hubungan ini, pada hemat pengundi, Perdana Menteri menjadi penentu kepada trajektori sistem pentadbiran negara sekali gus menentukan nasib rakyat. Misalnya, beberapa pengundi mengimbas kembali soal ‘kesilapan’ memilih sosok Perdana Menteri dalam PRU-14 apabila muncul kenyataan yang kurang menyenangkan rakyat seperti ‘rakyat perlu ikat perut’, ‘Melayu malas’ dan ‘manifesto bukan kitab suci’.²⁷ Dengan kata mudah, pengundi menanggapi bahawa aktor Perdana Menteri adalah pemboleh ubah yang signifikan dalam menentukan nasib mereka. Pemilihan Perdana Menteri yang ‘betul’ memungkinkan kewujudan dasar-dasar yang substantif dalam menjajarkan keadaan ekonomi yang maha mencabar pasca COVID-19. Aspek ini menjadi perkiraan penting dalam menjustifikasi kekurangan populariti *poster boy* BN, Ismail Sabri.

Ismail Sabri sebahagian besar dibayangi oleh imej Ahmad Zahid yang dominan dan menonjol mewakili imej UMNO berbanding imej yang dibawakan oleh *poster boy*, iaitu Ismail. Ahmad Zahid yang berada dalam krisis populariti akibat kes-kes mahkamah—bagaimanapun kekal kondusif dengan penonjolan secara kerap biarpun gelombang anti-Zahid semakin kritikal di serata negara, termasuk Johor. Pada Ogos 2021, terdapat pendedahan daripada beberapa ketua UMNO Bahagian dari Johor yang mendakwa 100 ketua bahagian UMNO minta Zahid berehat.²⁸ Di sebalik pelbagai desakan, Ahmad Zahid kekal menjalankan peranan sebagai presiden, misalnya menjadi pengumum calon pilihan raya UMNO-BN biarpun dari segi pemasaran politik tindakan ini memberi implikasi imej buat UMNO-BN dan khusus, Ismail sebagai calon Perdana Menteri Malaysia.

Dalam konteks lapangan, para pengundi hampir kebanyakannya berkongsi sentimen kekhawatiran dan penolakan terhadap presiden UMNO yang bakal ditabah sebagai Perdana Menteri sekiranya BN memenangi PRU-15. Bagi pengundi Johor, episod ‘*poster boy*’ calon Menteri Besar, Hasni Mohamad yang ditukarkan kepada muka baharu pasca PRN Johor 2022 menjadi faktor sokongan yang memacu sentimen ketakutan dan penolakan terhadap UMNO-BN dalam PRU-15. Pasca PRN Johor 2022, Onn Hafiz Ghazi, cicit kepada pengasas dan Presiden UMNO, Onn Jaafar

dilantik menjadi Menteri Besar Johor ke-19. Walaupun polemik pelantikan ini merupakan ‘rahsia’ kelas penguasa dalam lingkungannya, pandangan rakyat kekal meletakan tujuan ini ke atas bahu UMNO-BN. Dalam PRU-15, pengalaman silam semasa PRN Johor 2022 agak membekas dalam kalangan pengundi Johor dan memunculkan karakter pengundian yang lebih berhati-hati demi mengelakkan fenomena ‘pisang berbuah dua kali’.

Sentimen anti-Zahid pada dasarnya mengutuh selepas sebuah audio ‘anak murid’ dan ‘guru’ yang dikaitkan dengan presiden UMNO Ahmad Zahid dan presiden PKR Anwar Ibrahim, tular di media sosial pada April 2021. Kebocoran maklumat ‘dalaman’ ini membuka ruang buat bloger sohor pro-PN yang kini beralih kepada media sosial, Raja Petra Kamarudin (RPK) untuk mengoperasikan sentimen ini secara sistematik melalui video-video yang dimuatnaik di laman sosial media Facebook dan Youtube miliknya.²⁹ Laman Facebook RPK yang mendapat sambutan melalui dedahan pelbagai isu politik ‘panas’ menjadi faktor sampingan dalam meranumkan desas-desus perkahwinan BN+PH dalam ufuk pemikiran para pengundi. Strategi ini turut digunakan PN untuk membangkitkan sentimen Melayu-Islam dalam tempoh berkempen untuk menolak PH/DAP. Semasa berkempen di Hulu Terengganu, Muhyiddin menyatakan penolakan UMNO sebagai ‘jihad yang perlu kita teruskan untuk sedarkan orang Melayu dan penyokong UMNO’.³⁰ Dihujahkan, strategi ini juga merupakan kaedah yang digunakan dalam mengalihkan undi UMNO kepada PN di kawasan majoriti Melayu, termasuk beberapa bahagian di Johor.

Bagi etnik Cina, sentimen anti-PAS pula rata-rata dominan dalam kalangan etnik Cina di Johor. Sebagaimana kekhawatiran orang Melayu terhadap parti DAP, orang Cina turut berkongsi sentimen serupa terhadap PAS. Kegusaran orang Cina terhadap PAS berpunca daripada gambaran sebahagian mereka yang melihat PAS sebagai parti ekstremis dan dikhawatir menggugat budaya dan gaya hidup ‘kecinaan’.³¹ Ditambah pula pemautan PAS yang keterlaluan terhadap sentimen keagamaan untuk meraih sokongan, muncul beberapa naratif ekstremis yang memperkuatkan lagi sentimen ketakutan orang Cina terhadap parti ini. Dalam tempoh berkempen, Ketua Pemuda PAS di Sik, Kedah, Mohd Shahiful Mhd Nasir, mengisyiharkan bahawa mereka yang mengundi BN dan PH sebenarnya akan “menempah tempat di Neraka”. Seorang pelakon, Zul Huzaimy, menyentuh mengenai jejak kempen PAS, mengisyiharkan hasratnya untuk menyembelih orang bukan Islam (kafir harbi) yang galak menentang pelaksanaan pemerintahan Islam.³²

Biarpun sentimen nasional sebahagian besar menjadi faktor menentukan kecondongan pengundi Johor dalam PRU-15, sentimen lokaliti juga kekal memberikan pengaruh terutama di beberapa kawasan luar bandar. Warga luar bandar terutama di Johor Timur yang rata-rata terdiri daripada pengundi senior masih berpaut pada kerangka lokaliti memandangkan mereka masih memerlukan bantuan daripada pihak autoriti. Atas sebab itu, calon-calon di kawasan lokaliti luar bandar ini dipandang serius oleh pengundi yang mengutamakan soal khidmat, kekerapan turun ke lapangan, kesenangan untuk dihubungi, dan populariti dalam kalangan lokaliti setempat. Sentimen jasa dan budi dalam merealisasikan permintaan warga luar bandar di Johor masih signifikan. Misalnya, di kawasan luar bandar seperti Pengerang, Azalina Othman Said mengekalkan kedudukan hampir lima penggal natijah daripada ‘penjagaan’ dan ‘penyelenggaraan’ permintaan warga setempat yang baik. Sentimen kondusif turut sama dipamerkan oleh orang asli di sekitar Parlimen Pengerang yang kekal menyokong UMNO-BN.³³

Namun, sentimen politik luar bandar di Johor tetap bercampur baur dengan sentimen nasional melalui warga-warga muda yang lebih terdedah dengan media sosial dan faktor sekitaran yang lebih progresif. Mereka yang rata-rata pulang dari bandar membawa sentimen nasional kepada ibu bapa dan rakan-rakan lantas menjelaskan faktor campuran sentimen lokaliti dan nasional di kawasan Melayu luar bandar di Johor. Secara keseluruhan, media sosial berpengaruh dalam menyebarkan maklumat politik dan mencorak sentimen politik lokaliti Johor dengan isu-isu nasional melebihi kerangka

lokaliti di Johor.

Badi ‘Legasi’ Politik Manipulasi UMNO: Faktor Pengukuhan PH

Sejak hegemoni UMNO-BN kian terhakis pasca PRU 2008, strategi agresif memanipulasi proses persempadan semula melalui penentuan sempadan (*gerrymandering*) dan salah pembahagian (*malapportionment*) memberi kelebihan besar buat UMNO-BN dalam PRU-13.³⁴ Dalam PRU-13, strategi ini meningkatkan prestasi UMNO di kawasan majoriti Melayu dengan keseluruhannya memperolehi kelebihan 20 peratus kerusi parlimen biarpun hilang undi popular sebanyak empat peratus.³⁵ Keberkesanan kaedah ini mendorong Najib untuk sekali lagi melaksanakan strategi ini menjelang PRU-14. Lima minggu sebelum PRU-14, sempadan pilihan raya baharu diluluskan dengan peningkatan kawasan majoriti Melayu sebagai projeksi membantu UMNO-BN memenangi pilihan raya.³⁶

Namun, terdapat beberapa keadaan yang gagal dikenal pasti oleh Najib. Pertama, perpecahan undi Melayu di kawasan luar bandar melalui pembentukan parti Melayu alternatif, BERSATU. Penyertaan BERSATU ke dalam gabungan PH menjadikan gabungan tersebut sebagai sebuah wadah strategik untuk mendapatkan undi protes daripada penyokong UMNO yang sedia tidak popular. Gelombang rakyat yang disebut Muhammad Takiyuddin & Muhamad Nadzri³⁷ sebagai ‘revolusi senyap’ dalam PRU-14, memunculkan fenomena perpecahan undi yang signifikan terutama bagi undi Melayu. Di kawasan luar bandar terutama FELDA, UMNO-BN hilang 27 kerusi parlimen FELDA natijah perpecahan undi Melayu daripada PAS dan BERSATU.³⁸ Meskipun di beberapa kawasan FELDA di Johor kekal utuh dan berperanan sebagai penyelamat UMNO, satu sisi lain, perpecahan benteng Johor sebagai kubu kuat telah pun kelihatan sejak PRU-14 melalui kehilangan kerusi di kawasan-kawasan campuran.³⁹

Dalam PRU-15, kesan *boomerang* susulan legasi *gerrymandering* yang ditinggalkan UMNO memberi kelebihan kepada PH. Perpecahan undi merupakan elemen besar dalam mempengaruhi trajektori PRU-15 di Johor. Dalam situasi perpecahan, darjah populariti memainkan peranan penting untuk menentukan prestasi parti. Bagi peringkat nasional, PRU-15 menempatkan UMNO/BN di kedudukan terakhir berbanding dua parti dominan lainnya—sama ada dari segi jumlah kerusi maupun undi popular. Di Johor pula, UMNO/BN sekadar mendominasi tangga kedua di belakang PH dengan hanya berbeza 4 peratus dengan populariti PN biarpun memenangi lebih banyak jumlah kerusi berbanding PN (lihat Jadual 5). Situasi ini memberi dampak signifikan buat UMNO/BN dalam berdepan situasi politik pecahan tiga penjuru.

Jadual 5: Undi Popular bagi Parlimen Johor

Bil.	Gabungan/Parti Bertanding	Undi Popular	Peratusan
1	Barisan Nasional	598,244	30
2	Pakatan Harapan + MUDA	825,182	42
3	Perikatan Nasional	519,661	26
4	Gabungan Tanah Air	6,161	0.32
5	Lain-lain	3210	1.64
	Jumlah	1,952,458	100

Sumber: Hasil kalkulasi berdasarkan data daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

Sepertimana yang dinyatakan, kerencaman demografi Johor memerlukan parti yang memperoleh sokongan pelbagai etnik untuk memenangi kawasan pengundian yang berekologi campuran. Keluarnya BERSATU sebagai parti Melayu tulen daripada gabungan PH memberikan implikasi perpecahan undi signifikan melalui persaingan tiga penjuru antara UMNO-BN, dan PH yang jauh

lebih kompetitif. Selain persaingan tiga parti dominan, kebanyakan kawasan parlimen di Johor majoritinya melalui persaingan empat penjuru dan lebih. Perkembangan ini merubah landskap politik Johor dari sistem dua parti dalam PRU-14 kepada sistem multiparti dalam PRU-15. Secara implikasi, beberapa kawasan campuran menjadi lubuk kekalahan UMNO-BN dalam PRU-15 di Johor seperti ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Perbandingan Majoriti di kawasan campuran dari PRU 2008 hingga PRU 2022

Bil.	Parlimen	PRU 2008	Majoriti	PRU 2013	Majoriti	PRU 2018	Majoriti	PRU 2022	Majoriti
1	Sekijang	UMNO	9,867	UMNO	1,217	PKR	1,281	PKR	1,734
2	Pagoh	UMNO	12,581	UMNO	12,842	BERSATU	6,927	BERSATU	10,007
3	Ledang	UMNO	7,617	UMNO	1,967	PKR	8,666	PKR	9,809
4	Muar	UMNO	4,661	UMNO	1,646	BERSATU	6,953	MUDA	1,345
5	Sri Gading	UMNO	10,874	UMNO	5,761	BERSATU	3,288	AMANAH	4,000
6	Batu Pahat	UMNO	12,968	PKR	1,524	PKR	17,894	PKR	15,972
7	Tebrau	MCA	14,658	MCA	1,767	PKR	37,025	PKR	30,720
8	Pasir Gudang	UMNO	17,281	UMNO	935	PKR	24,726	PKR	31,558
9	Johor Bahru	UMNO	25,349	UMNO	10,495	PKR	19,782	PKR	16,041
10	Pulai	UMNO	20,449	UMNO	3,226	AMANAH	28,294	AMANAH	33,174

Sumber: Diubahsuai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

Berdasarkan Jadual 6, di kawasan bandar di Johor selatan yang merupakan antara kubu UMNO sebelum PRU-14 gagal memanfaatkan legasi *gerrymandering* yang ditinggalkan selepas strategi tersebut memberi implikasi kepada perpecahan undi Melayu. Di kawasan “Bandar Melayu” campuran seperti Tebrau, Pasir Gudang dan Johor Bahru, ia boleh diafiliasi sebagai antara kawasan kubu baharu PH. Kerencaman strata sosial, latar belakang dan kecelikan politik pengundi Melayu di kawasan ini memunculkan pelbagai faktor pengundian progresif hingga menyebabkan tiga gabungan dominan, iaitu PH, UMNO dan PN tetap mempunyai penyokongnya tersendiri. Dalam konteks ini, terdapat peranan signifikan pengundi Cina sebagai ‘*king maker*’ di kawasan ini.

Di kawasan campuran luar bandar seperti Sekijang, Pagoh, Ledang, Muar dan Sri Gading, perpecahan undi Melayu turut berlaku sehingga UMNO gagal secara berturut-turut untuk menang di kawasan deposit tetap mereka sebelum PRU-14. Seperti yang dihujahkan, undi orang Cina kekal memainkan peranan besar dalam menentukan para pemenang. Meskipun kawasan luar bandar menghimpunkan para pengundi senior yang menjadi bank undi UMNO, adalah realistik untuk menyatakan bahawa pengundi-pengundi muda Melayu terutama pengundi yang mengundi buat kali pertama tidak mempertauti pengalaman dan nostalgia ketika mana zaman kegemilangan UMNO seperti ibu bapa mereka. Pandangan dunia (*weltanschauung*) warga muda lebih dicorakkan oleh situasi kontemporari dan kebanyakan maklumat politik terbuka yang diperolehi melalui media sosial terkini seperti Tiktok.⁴⁰

Atas sebab itu, evolusi yang memunculkan sistem multiparti di kawasan campuran ini menjelaskan survival PH yang sebahagian besar ditentukan oleh undi Cina dengan hanya perlu disokong oleh sebahagian kecil undi Melayu untuk menang di kawasan tersebut. Keadaan ini berbeza bagi UMNO dan PN yang kedua-duanya memerlukan undi Melayu secara total memandangkan parti ini tidak popular dalam kalangan orang bukan Melayu. Perkongsian undi Melayu total dengan sokongan minimum pengundi Cina menjelaskan kegagalan parti Melayu-sentrik di kawasan majoriti Melayu campuran di Johor. Biarpun tinjauan di beberapa program rapat umum PN misalnya di Pasir Gudang menunjukkan sambutan daripada etnik Cina dan India, situasi ini belum cukup untuk memecahkan dominasi PH yang turut mendapat sokongan daripada sebahagian pengundi Melayu.⁴¹

Pemautan pengundi Cina kepada PH merupakan trend biasa sejak PRU-2008. Gelombang tsunami Cina pada 2008 meneruskan momentum dalam PRU-15 dengan sebahagian besar orang Cina kekal memberi taat setia kepada PH. Data lapangan menyokong keadaan ini misalnya melalui hasil kaji selidik pra-PRU-15 daripada Huayan Policy Institute Centre of Malaysia Chinese Studies (Huayan) yang mendapati PH terutama DAP kekal menjadi pilihan utama pengundi Cina meskipun popularitinya menurun kepada 65 peratus berbanding 95 peratus dalam PRU-14.⁴² Penurunan undi ini dapat dijelaskan dengan beberapa tindakan tidak popular PH terhadap kepentingan orang Cina misalnya kegalahan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Persendirian Cina (UEC), pengurangan peruntukan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC). Adapun begitu, para pengundi Cina di Johor kekal memberi sokongan kepada PH dalam memberi peluang kepada muka baharu, iaitu Anwar Ibrahim yang belum teruji sebagai Perdana Menteri.⁴³

Gelombang PN dan Hakisan Sokongan UMNO di Kawasan Luar Bandar

Sejak PRN Johor 2022, peralihan trend pengundian dari BN ke PN di kawasan luar bandar pada dasarnya telah kelihatan. Di beberapa kawasan DUN simpanan tetap UMNO luar bandar seperti Sedili, Sri Medan, Tenggaroh, Johor Lama, Rengit, Endau, Panti, Sungai Balang, Bukit Kepong, Serom, Bukit Pasir, Maharani dan Tiram sokongan mula menunjukkan penurunan melalui cabaran diberikan PN.⁴⁴

Dalam PRU-15, trend sama berterusan dengan sokongan UMNO di beberapa kawasan kubu kuat semakin tergugat. Kawasan yang dimaksudkan terdiri daripada kawasan yang kebal dari kekalahan semasa PRU-14, iaitu Mersing, Tenggara, Kota Tinggi dan Pengerang. Kawasan-kawasan parlimen yang mempunyai gugusan FELDA ini turut diberikan cabaran besar oleh parti Melayu-sentrik alternatif, PN. Meskipun PN sekadar memenangi dua kerusi parlimen dalam PRU-15 di Johor, namun, data menunjukkan trend (undi beralih) *swing vote* kekal melebar khusus melibatkan undi BN kepada PN di kawasan Melayu luar bandar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Perbandingan jumlah undi parti Melayu alternatif di kawasan Melayu luar bandar dalam PRU-14 dan PRU-15

Bil.	Parlimen	PRU-14 (BERSATU/ PAS)	(%)	PRU-15 (PN)	(%)	PRU-14 (BN)	(%)	PRU-15 (BN)	(%)
1	Mersing	11,347 (BERSATU) 6,215 (PAS)	23.6 12.9	21,066 (BERSATU)	31.8	19,806	41.1	18,729	28.3
2	Tenggara	14,209	31.8	18,194 (BERSATU)	27.0	20,142	45.0	21,185	31.5
3	Kota Tinggi	11,786 (BERSATU)	25.3	17,020 (BERSATU)	27.8	26,407	56.6	25,410	41.5
4	Pengerang	10,412 (BERSATU)	25.7	16,728 (BERSATU)	30.2	21,829	53.9	21,738	39.3

Sumber: Dipadankan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (2018-2022).

Data di atas menunjukkan pembandingan undi bagi dua kerangka temporal, iaitu PRU-14 dan PRU-15 untuk memperincikan gelombang peningkatan undi parti komponen PN dalam PRU-15 berbanding UMNO-BN. Perhatian khusus yang tertumpu di kawasan-kawasan deposit tetap UMNO di gugusan FELDA seperti Mersing, Tenggara, Kota Tinggi dan Pengerang menunjukkan trend peralihan undi yang signifikan meskipun UMNO kekal mempertahankan kawasan ini.

Di kawasan yang mempunyai 12 FELDA, iaitu Mersing, UMNO bahkan gagal mempertahankan kerusi sedia ada dengan kekalahan julung kali di kawasan tersebut. Selain faktor populariti PN yang dikonstruksi melalui imej bersih dan bebas salah laku, UMNO pula meletakkan calon yang pernah

dikaitkan dengan kontroversi rasuah RM35.7 juta di sebalik krisis kontroversi rasuah yang dikaitkan dengan beberapa pemimpin tertinggi UMNO sedang hangat diperkatakan. Meskipun aktor ini telah dibebaskan dari tuduhan tersebut pada Ogos 2022,⁴⁵ keadaan ini kekal memberi sebuah defisit nilai yang menyentak ‘kepercayaan’ para pengundi berkaitan soal kredibiliti.⁴⁶ Ditambah pula dengan sentimen nasional yang hangat dengan isu mahkamah melibatkan kepimpinan tertinggi UMNO, hubungan ini menjadi pelengkap untuk melecongkan undi UMNO kepada parti alternatif di Mersing.

Di kawasan kubu kuat lain UMNO seperti Pengerang yang terdiri daripada 12 buah FELDA, hakisan undi turut kelihatan apabila PN menggugat undi UMNO dengan kutipan relatif besar sebanyak 16,728 undi (30.2 peratus). Ia memberi cabaran signifikan buat UMNO yang sekadar memperolehi 21,738 (39.3) dengan majoriti 5,010. Keputusan ini jauh berbeza berbanding keputusan PRU-14 apabila UMNO berhasil menang selesa sekitar 53.9 peratus undi dengan majoriti 11,417 di kawasan sama. Di dua kawasan Tenggara dan Kota Tinggi, masing-masing dengan tujuh dan sembilan buah kawasan FELDA—keadaan sama turut berlaku apabila berlaku penghakisan undi UMNO yang mula beralih kepada PN dan juga PH. Dapatan ini menggambarkan wujudnya sebuah kedinamikan politik Melayu luar bandar yang mula bersikap kritikal terhadap UMNO.

Dalam menjelaskan keadaan ini, undi FELDA merupakan sebuah ukuran signifikan dalam mempertauti prestasi UMNO di luar bandar. Faktor yang menghakis hegemoni UMNO di kubu kuat mereka bertitik tolak daripada faktor pengundi muda yang sebahagian besarnya tidak memihak kepada UMNO terutama melalui saluran anak muda.⁴⁷ Ekologi politik FELDA dan Melayu luar bandar kini kebanyakannya ditentukan oleh anak muda yang lebih terdedah dengan faktor luaran termasuk suntikan media sosial yang menjadi agen terbesar mempengaruhi undi mereka. PN yang berhasil mengolah kosmetik politik secara strategik melalui media baharu seperti Tiktok menjadi antara faktor keberhasilan parti Melayu alternatif itu mendapatkan sokongan warga muda. Rata-rata warga muda meyakini imej bersih dan warak dipamerkan *poster boy* PN, Muhyiddin Yassin sebagai aktor selayaknya diangkat sebagai Perdana Menteri.⁴⁸

Keadaan ini menjadikan faktor tempatan kurang dominan bagi pengundi muda yang pada dasarnya berhijrah untuk bekerja dan menuntut ilmu. Kerangka ini memunculkan anak-anak muda luar bandar dan FELDA di Johor yang lebih bersifat *fence sitter* dan tidak partisan sebagaimana ekologi politik pada generasi sebelumnya. Dalam kitaran ini, strategi klasik dalam mengukur sokongan politik melalui penyertaan program dianjurkan tidak lagi relevan atas budaya politik non-partisan yang dipertauti rata-rata warga muda.⁴⁹

Adapun begitu, di luar bandar, kerangka psikologi feudal masih menjadi aspek penting dalam merungkaikan sikap pengundi Melayu di Johor, terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Orang Melayu lebih meyakini parti berimejkan Melayu tulen sebagaimana UMNO, lantas menyebabkan parti gabungan PH gagal mendapat tempat di kawasan Johor Timur. Berbanding memilih untuk kekal dengan UMNO, sebahagian besar orang Melayu luar bandar mula beralih untuk mencuba nasib berlindung di bawah payung lain atau disebut sebagai ‘pelindung’ alternatif.⁵⁰ Trend ini merupakan kecenderungan nasional memandangkan hampir kebanyakan tempat menunjukkan dapatan yang lebih kurang sama.

Pada dasarnya, terdapat hubungan substantif melibatkan korelasi ‘pelindung’ dengan isu lokaliti. Khusus bagi pengundi FELDA yang masih bergantung pada sumbangan kerajaan, isu-isu FELDA yang gagal ditangani UMNO sejak sekian lama menjadi faktor utama dalam mengalihkan undi mereka kepada parti Melayu alternatif yang lain. Isu-isu seperti Perumahan generasi kedua yang belum selesai menjadi antara buah mulut para pengundi dan turut diangkat parti-parti bertanding sebagai naratif kempen politik lokaliti.⁵¹

Pada dasarnya, dalam PRU-15, PN boleh dijustifikasi sebagai parti yang menjuarai politik FELDA dari segi persaingan isu. Dalam tempoh setahun memerintah, PN melalui Perdana Menteri

kelapan, Muhyidin Yassin berjaya menghapuskan hutang peneroka FELDA berjumlah RM8.9 bilion. Keadaan ini memunculkan anjakan populariti PN yang berjaya menyelesaikan isu ini hanya dalam tempoh kurang setahun memerintah. Dalam satu wawancara bersama media di Pagoh, Muhyiddin menyatakan:

Kan banyak kes-kes dia (Najib) janji nak selesaikan hutang. Siapa selesaikan hutang FELDA? Saya selesaikan. Tak sampai setahun saya masuk dalam kerajaan (sebagai) Perdana Menteri, saya buat keputusan menghapuskan RM8.9 bilion hutang peneroka FELDA....[J]adi saya tak tahu lah kalau orang FELDA tak menimbang apa yang telah pun saya lakukan dalam tempoh kurang setahun.”⁵²

Bagi pengundi FELDA, penghapusan hutang yang dilaksanakan Muhyiddin meningkatkan populariti PN di kawasan FELDA hingga memunculkan kelompok penyokong-penyokong kecil yang mula memberi sokongan kepada parti tersebut seperti keadaan yang berlaku di beberapa FELDA parlimen Pengerang.⁵³ Isu yang gagal diselesaikan Najib sebelumnya berhasil dieksekusi oleh Muhyiddin dalam memperkasakan jarak tempuh politik aktor ini di kawasan-kawasan parlimen FELDA Johor. Bantuan-bantuan yang diberikan menjadi aset penting dalam mengingatkan para pengundi terhadap bantuan yang diberikan semasa rakyat sedang kesusahan.⁵⁴ Budaya penaungan, jasa dan budi dalam politik Melayu, terutama Melayu luar bandar kekal menjadi faktor penting dalam memunculkan sokongan rakyat. Keadaan ini menjelaskan faktor penyusupan PN di beberapa kubu kuat UMNO di Johor Timur dalam PRU-15.

Kesimpulan

PRN Johor 2022 yang memberi kemenangan bergaya buat UMNO memainkan peranan sebagai penyuntik motivasi untuk PRU-15 segera dilangsungkan. Meskipun pelbagai kekurangan PRN Johor seperti jumlah buang undi yang rendah, UMNO-BN menjadikan keputusan ini sebagai sandaran motivasi untuk menghadapi PRU-15. Strategi gegabah UMNO-BN untuk mengadakan PRU-15 secara mengejut gagal meneruskan momentum kemenangan dalam PRN 2022. Dari kubu kuat UMNO sebelum PRU-14, Johor kini boleh dikategorikan sebagai antara kawasan kurang cabaran bagi PH terutama di kawasan-kawasan campuran bandar dan semi-bandar.

Transisi dari sistem dua parti kepada multiparti memberi kelebihan buat PH apabila parti Melayu tulen perlu bersaing dan merebut undi daripada segmen pengundi yang sama. Ditambah pula bank undi Cina kekal memihak PH menambahkan lagi kelebihan parti ini di kawasan campuran. Legasi yang ditinggalkan UMNO melalui *gerrymandering* dalam menghimpunkan pengundi Melayu di kawasan tertentu menjadi medium penggalak dalam memperkuuhkan lagi kedudukan PH natijah perpecahan undi Melayu. Ia turut memberi dampak signifikan buat UMNO terutama di kawasan tidak ‘terusik’ miliknya seperti di kawasan parlimen majoriti Melayu luar bandar yang mula mengalami peralihan undi kepada parti Melayu alternatif seperti PN.

Secara keseluruhannya, PRU-15 di Johor menampilkan sebuah kedinamikan yang tersendiri. Ia berkisarkan sulaman antara faktor teknikal dengan sokongan sentimen yang memacu trajektori. Kitaran isu dan sentimen adalah dipengaruhi dominasi faktor nasional berbanding faktor lokaliti yang memainkan peranan kurang signifikan. Dalam konteks ini, karakter pengundian politik bandar lebih berpaksikan isu-isu nasional dan tertumpu kepada soal pemilihan kerusi panas jawatan Perdana Menteri. Bagi politik luar bandar, adunan antara sentimen nasional dan isu lokaliti menjadi penentu kepada tingkah laku pengundian mereka sekali gus mencorakan keputusan keseluruhan PRU-15 di Johor.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Geran Kecil Penyelidikan FSSK UKM (SK-2022-025) yang membantu penyiapan artikel ini.

Nota

- ¹ Faiz Zainudin, *Kemenangan besar di Johor; isyarat BN menang PRU15, kata Najib*, 2022.
- ² Mohamed Farid Noh & Izz Laily Hussein, *PRU15: BN Johor yakin mampu menang 16 kerusi*, 2022.
- ³ Mohamed Nawab & Rashaad, *Localising victory: Ge 14 and the electoral contests in Johor and Kelantan*, 2018.
- ⁴ Lee Hock Guan & Chan, *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor*, 2018.
- ⁵ Hutchinson, *GE-14 in Johor: Shock or Just Awe?*, 2019.
- ⁶ Zhang, Choo & Sok, *The Democratic Action Party in Johor: Assailing the Barisan Nasional Fortress*, 2021.
- ⁷ Shah Mohd Akmal, *Politik Lama versus Politik Baharu: Dinamika Politik Melayu dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022*, 2022.
- ⁸ Ibid.
- ⁹ Astro Awani, *PM Anwar menghadap Sultan Johor; jelas soal pembangunan negara dan Johor*, 2022.
- ¹⁰ Khor, *The political tussle over Felda land schemes: UMNO strengthens its Malay rural fortress in 13 th General Election*, 2014.
- ¹¹ Mohamed Nawab & Rashaad, *Localising victory: Ge 14 and the electoral contests in Johor and Kelantan*, 2018.
- ¹² Department of Statistics Malaysia, *Current Population Estimates*, 2020.
- ¹³ Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Komposisi Pengundi Johor*, 2022.
- ¹⁴ Shah Mohd Akmal, *Politik Lama versus Politik Baharu: Dinamika Politik Melayu dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022*, 2022.
- ¹⁵ Fahmi, *Demografi, peratusan keluar mengundi faktor BN menang besar di Johor; kata penganalisis*, 2022.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Sinar Harian, *Ismail Sabri nafi bubar Parlimen kerana desakan UMNO*, 2022.
- ¹⁸ Sabah News Today, “Kejayaan BN di PRN Johor bukti BN masih relevan dihati rakyat – Bung Moktar”, 2022.
- ¹⁹ Mohamad Faizal, *UMNO Johor sasar menang 20 kerusi Parlimen*, 2022.
- ²⁰ Juani Munir & Aslinda, “[PAU 2021] Hendak tunggu apa lagi, bubar Parlimen!
- ²¹ Mohamad Fahd, *PRU15: Kemenangan 9 kerusi Parlimen di Johor memerlukan – Hasni*, 2022.
- ²² Astro Awani, “Kad Laporan Pencapaian 2013-2018 bukti potensi Johor”, 2019.
- ²³ Temu bual bersama Mohd Daud, Felo Kanan Bait Al-Amanah, 1 Februari 2023, Kuala Kangsar.
- ²⁴ Lihat Funston, “Malaysia’s 14th General Election (GE14) -The Contest for the Malay Electorate”, 2018. Lihat juga Muhamad Nadzri, “The 14th General Elections, the Fall of Barisan Nasional and Political Development in Malaysia, 1957-2018”, 2019.
- ²⁵ Dipetik daripada laman sosial Instagram Shahril Sufian Hamdan, 2022.
- ²⁶ Temu bual bersama Muhd Khalid, Setiausaha Amanah Pasir Gudang, 25 Disember 2022, Pasir Gudang.
- ²⁷ Temu bual bersama Informan A, Pengundi Pagoh, 10 November 2022, Pagoh.
- ²⁸ Khairil Anwar, “100 ketua bahagian UMNO didakwa minta Zahid ‘berehat’”, 2021.
- ²⁹ Lihat laman Sosial Malaysia Today & Youtube Raja Petra Kamarudin.
- ³⁰ Hafizi, “Muhyiddin tidak tolak kemungkinan kerjasama Zahid-Anwar pasca-PRU15”, 2022.
- ³¹ Temu bual bersama Informan B, Pengundi Cina Johor Bharu, 12 November 2022, Johor Bharu.
- ³² Ahmad Fauzi & Che Hamdan, *Malaysia’s 15th General Election: Malay-Muslim Voting Trends and the Rise of PAS*, 2022.
- ³³ Temu bual bersama Fahmiza, mantan Pegawai Khas Program Parlimen Pengerang, 17 Januari 2023, Bandar Baru Bangi.

- ³⁴ Ostwald, *How to Win a Lost Election: Malapportionment and Malaysia's 2013 General Election*, 2013.
- ³⁵ Ostwald, *Electoral boundaries in Malaysia's 2018 election: Malapportionment, gerrymandering and UMNO's fall*, 2019.
- ³⁶ Abdul Rashid, "the Politics of Manipulation: Malaysia 2018-2020", 2020.
- ³⁷ Muhamad Takiyuddin & Muhamad Nadzri, "Revolusi Senyap 9 Mei 2018", 2018.
- ³⁸ Khor, Yuleng & Chia, Jeamme, "FELDA and rural voting patterns in GE14 – a wake-up call", 2020.
- ³⁹ Hutchinson, *GE-14 in Johor: Shock or Just Awe?*, 2019.
- ⁴⁰ Temu bual bersama Informan C, Pengundi Muar, 10 November 2022, Muar.
- ⁴¹ Tinjauan rapat umum PN di Pasir Gudang, 15 November 2022.
- ⁴² Mohd Faizul Haika, *Majoriti pengundi Cina pilih PH*, 2022.
- ⁴³ Temu bual bersama Informan D, Pengundi Cina di Pengerang, 15 November 2022, Pengerang.
- ⁴⁴ Shah Mohd Akmal, *Politik Lama versus Politik Baharu: Dinamika Politik Melayu dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022*, 2022.
- ⁴⁵ Omar, "Bekas EXCO Johor dilepas, bebas dari tuduhan rasuah", 2022.
- ⁴⁶ Temu bual bersama Informan E, Pengundi Mersing, 12 Februari 2023, Kuala Kangsar.
- ⁴⁷ Temu bual bersama Fahmiza, mantan Pegawai Khas Program Parlimen Pengerang, 17 Januari 2023, Bandar Baru Bangi.
- ⁴⁸ Temu bual bersama Informan F, Pengundi Kota Tinggi, 15 November 2022, Kota Tinggi.
- ⁴⁹ Temu bual bersama Fahmiza, mantan Pegawai Khas Program Parlimen Pengerang, 17 Januari 2023, Bandar Baru Bangi.
- ⁵⁰ Shah Mohd Akmal, "PRU-15 dan Tsunami Melayu 2.0", 2022.
- ⁵¹ Temu bual bersama Fahmiza, mantan Pegawai Khas Program Parlimen Pengerang, 17 Januari 2023, Bandar Baru Bangi.
- ⁵² Agenda Daily, "UMNO janji nak bantu Felda, tapi saya hapus hutang peneroka: Muhyiddin", 2022.
- ⁵³ Temu bual bersama Fahmiza, mantan Pegawai Khas Program Parlimen Pengerang, 17 Januari 2023, Bandar Baru Bangi.
- ⁵⁴ Temu bual bersama Muhd Khalid, Setiausaha Amanah Pasir Gudang, 25 Disember 2022, Pasir Gudang.

Rujukan

- Abdul Rashid Moten. 2020. The Politics of Manipulation: Malaysia 2018-2020. *Intellectual Discourse*, 28 (2): 387–408.
- Agenda Daily. 2022. UMNO janji nak bantu Felda, tapi saya hapus hutang peneroka: Muhyiddin. 28 Oktober, <https://www.agendadaily.com/isu-semasa/umno-janji-nak-bantu-felda-tapi-saya-hapus-hutang-peneroka-muhyiddin/> [8 Februari 2023].
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Che Hamdan Che Mohd Razali. 2022. Malaysia's 15th General Election: Malay-Muslim Voting Trends and the Rise of PAS. RSIS, 6 Disember. <https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/rsis/malaysias-15th-general-election-malay-muslim-voting-trends-and-the-rise-of-pas/#.Y-KKMy8RrUo> [8 Februari 2023].
- Astro Awani. 2019. Kad Laporan Pencapaian 2013-2018 bukti potensi Johor. 2 Mei. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/kad-laporan-pencapaian-2013-2018-bukti-potensi-johor-1751782> [8 Februari 2023].
- Astro Awani. 2022. PM Anwar menghadap Sultan Johor, jelas soal pembangunan negara dan Johor. 30 Disember. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-anwar-menghadap-sultan-johor-jelas-soal-pembangunan-negara-dan-johor-399527> [8 Februari 2023].
- Department of Statistics Malaysia. 2020. Current Population Estimates. <https://www.dosm.gov.my> [8 Februari 2023].

- Fahmiza Mohamad Stephen. 2023. Mantan Pegawai Khas Program Parlimen Pengerang. Temu bual. 17 Januari, Bandar Baru Bangi.
- Fahmi Yusof. 2022. Demografik, peratusan keluar mengundi faktor BN menang besar di Johor, kata penganalisis. *Free Malaysia Today*, 13 Mac. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/13/demografik-peratusan-keluar-mengundi-faktor-bn-menang-besar-di-johor-kata-penganalisis/>. [30 Mei 2023].
- Funston, J. 2018. Malaysia's 14th General Election (GE14) -The Contest for the Malay Electorate. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 57–83. <https://doi.org/10.1177/186810341803700304>.
- Hafizi Rosli. 2022. Muhyiddin tidak tolak kemungkinan kerjasama Zahid-Anwar pasca-PRU15. *Astro Awani*, 3 November. <https://www.astroawani.com/berita-politik/muhyiddin-tidak-tolak-kemungkinan-kerjasama-zahidanwar-pascapru15-389213> [8 Februari 2023].
- Hutchinson, F. 2022. *The Fall of the Fortress?*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Hutchinson, F. 2019. 13. GE-14 in Johor: Shock or Just Awe?. Dlm. H. Hutchinson & H. Lee (Ed.), *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?* hlm. 310-341. Singapore: ISEAS Publishing. <https://doi.org/10.1355/9789814843904-019>
- Informan A. 2022. Pengundi di Parlimen Pagoh. Temu bual. 10 November. Pagoh, Johor.
- Informan B. 2022. Pengundi Cina di Parlimen Johor Bharu. Temu bual. 12 November. Johor Bahru, Johor.
- Informan C. 2022. Pengundi di Parlimen Muar. Temu bual. 10 November. Muar, Johor.
- Informan D. 2022. Pengundi Cina di Parlimen Pengerang. Temu bual. 15 November. Pengerang, Johor.
- Informan E. 2022. Pengundi di Parlimen Mersing. Temu bual. 12 Februari 2023. Kuala Kangsar, Perak.
- Informan F. 2022. Pengundi di Parlimen Kota Tinggi. Temu bual. 15 November, Kota Tinggi, Johor.
- Juani Munir Abu Bakar & Aslinda Nasir. 2022. [PAU 2021] ‘Hendak tunggu apa lagi, bubar Parlimen!’. *Utusan Malaysia*, 18 Mac. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/pau-2021-hendak-tunggu-apa-lagi-bubar-parlimen/> [8 Februari 2023].
- Khor, Yuleng & Chia, J. 2020. FELDA and rural voting patterns in GE14 – a wake-up call. *The Round Table*, 109: 126-154. [10.1080/00358533.2020.1741882](https://doi.org/10.1080/00358533.2020.1741882).
- Khor, Yuleng. 2014. The political tussle over Felda land schemes: UMNO strengthens its Malay rural fortress in 13th General Election. *Kajian Malaysia*, 32(2): 89-121.
- Lee Hock Guan & Chan, N. 2018. Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor. Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.
- Mohamad Fahd Rahmat. 2022. “PRU15: Kemenangan 9 kerusi Parlimen di Johor memerlukan” – Hasni. Berita Harian, 20 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028436/pru15-kemenangan-9-kerusi-parlimen-di-johor-memerlukan-hasni> [8 Februari 2023].
- Mohamad Faizal Hashim. 2022. UMNO Johor sasar menang 20 kerusi Parlimen. Utusan Malaysia, 21 Mei. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/05/umno-johor-sasar-menang-20-kerusi-parlimen/> [8 Februari 2023].
- Mohamed Nawab Mohamed Osman & Rashaad Ali. (2018). Localising victory: GE 14 and the electoral contests in Johor and Kelantan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2): 367-385.
- Mohd Daud Mat Zin. 2023. Felo Kanan, Badan Penyelidikan Bait Al-Amanah. Temu bual. 1 Februari, Kuala Kangsar.

- Mohd Faizul Haika Mat Khazi. 2022. Majoriti pengundi Cina pilih PH. *Sinar Harian*, 31 Oktober. <https://www.sinarharian.com.my/article/228440/berita/nasional/majoriti-pengundi-cina-pilih-ph> [8 Februari 2022].
- Muhamad Nadzri, M.N. 2018. The 14th General Elections, the Fall of Barisan Nasional and Political Development in Malaysia, 1957-2018. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3): 139-171.
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2018. Revolusi Senyap 9 Mei 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45 (2): 161-185.
- Muhd Khalid Yahya. 2022. Setiausaha Amanah Pasir Gudang, Johor. Temu bual. 25 Disember, Pasir Gudang.
- Omar Ahmad. 2022. Bekas EXCO Johor dilepas, bebas dari tuduhan rasuah. *Berita Harian*, 7 Ogos. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/985442/bekas-exco-johor-dilepas-bebas-dari-tuduhan-rasuah> [8 Februari 2023].
- Oriental Daily*. 2022. General Election-15. <https://ge15.orientaldaily.com.my/seats/johor/p> [30 Mac 2023].
- Ostwald, K. 2013. How to Win a Lost Election: Malapportionment and Malaysia's 2013 General Election. *The Round Table*, 102(6): 521-532.
- Ostwald, K. 2019. Electoral Boundaries in Malaysia's 2018 Election: Malapportionment, Gerrymandering and UMNO's Fall. Dlm. Gomez, E.T. & Mohamed Nawab Mohamed Osman. (Ed.), *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding in the Pursuit of Power*. hlm. 86-110. London: Routledge.
- Sabah News Today*. 2022. Kejayaan BN di PRN Johor bukti BN masih relevan dihati rakyat – Bung Moktar. 13 Mac. <https://sabahnewstoday.net/kejayaan.bn-di-prn.johor.bukti.bn.masih-relevan-dihati.rakyat.bung.moktar/> [8 Februari 2023].
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. 2022. Politik Lama Versus Politik Baharu: Dinamika Politik Melayu dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022. *Global Journal Al-Thaqafah (Gjat)*, 2(1): 111-138.
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. 2022. PRU-15 dan Tsunami Melayu 2.0. *Dewan Masyarakat*, 21 November .<https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2022/11/21/10636/> [8 Februari 2023].
- Sinar Harian*. 2022. Ismail Sabri nafi bubar Parlimen kerana desakan UMNO. 13 Oktober. <https://www.sinarharian.com.my/article/225718/berita/nasional/ismail-sabri-nafi-bubar-parlimen-kerana-desakan-umno> [8 Februari 2023].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2022. <https://www.spr.gov.my> [8 Februari 2023].
- Zhang, K. Choo, J. & Fong Sok Eng. 2021. *The Democratic Action Party in Johor: Assailing the Barisan Nasional Fortress*. (1 ed.). ISEAS–Yusof Ishak Institute.